



PERSATUAN BANK BANK DALAM MALAYSIA
THE ASSOCIATION OF BANKS IN MALAYSIA

Headline: Pesara, pegawai bank rugi jadi mangsa penipuan Language: Malay
Publication/Portal: Kosmo Section: Negara
Date: 1 November 2018 Page: 6

Pesara, pegawai bank rugi jadi mangsa penipuan

KUANTAN - Seorang pesara kilang mengalami kerugian RM30,000 selepas terpedaya dengan satu panggilan telefon daripada seorang lelaki yang mendakwa mangsa terlibat dengan kes pengubahan wang haram serta pengedaran dadah kelmarin.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersial Pahang, Superintendan Mohd. Wazir Mohd. Yusof berkata, mangsa yang berusia 57 tahun dan tinggal di Padang Tengku, Lipis menerima panggilan daripada suspek yang menyamar sebagai pegawai bank.

"Suspek berkenaan mendakwa mangsa mempunyai pinjaman peribadi yang tertunggak bagaimanapun telah dinafikan oleh mangsa, sebelum panggilan telefon itu disambung pula kepada



AHLI sindiket Macau Scam sering beroperasi di sesebuah premis untuk membuat panggilan bagi mencari mangsa penipuan. - Gambar hiasan

da anggota polis yang mendakwa mangsa terlibat dengan pengedaran dadah dan pengubahan wang haram.

"Selepas itu, panggilan itu disambung kepada pegawai penyiasat yang menawarkan bantuan untuk menyelesaikan kes

terbabit dengan melakukan pindaan wang daripada akaunnya untuk mengelak daripada akaun mangsa dibekukan," katanya di sini semalam.

Menurut beliau, mangsa kemudian membuat pindaan wang sebanyak RM30,000 ke dalam akaun yang diberi suspek namun mula menyedari ditipu setelah suspek meminta wang tambahan sebanyak RM30,000 lagi.

Susulan itu, satu laporan telah dibuat di Ibu Pejabat Polis Daerah Lipis kelmarin dan kes disiasat di bawah Seksyen 420 Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman penjara maksimum 10 tahun, penjara dan denda jika sabit kesalahan.

Sementara itu, seorang pegawai bank turut menerima nasib yang sama selepas tertipu de-

ngan tawaran pinjaman peribadi palsu yang ditawarkan melalui WhatsApp mengakibatkan mangsa kerugian RM1,960.

Mangsa yang berusia 38 tahun telah menerima tawaran itu pada 15 Oktober lalu sebelum bersetuju untuk membuat pinjaman RM30,000 dengan ansuran RM356.90 sebulan dalam tempoh 10 tahun.

Bagaimanapun, Mohd. Wazir berkata, selepas memindahkan wang berjumlah RM1,960 ke dalam akaun diberi suspek bagi kos pemprosesan, suspek meminta mangsa membuat bayaran tambahan sebanyak RM2,178 yang didakwa untuk insurans.

Mangsa yang mula curiga, membatalkan niatnya tetapi gagal mendapat wang yang telah dibayar. - Bernama